

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT CERIAKAN WARGA EMAS SEMPENA PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA

JEMPOL, 20 JANUARI 2022 – SWM Environment menerusi inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR), SWM Kasih Misi Sampul merah berkongsi keceriaan sempena sambutan perayaan Tahun Baharu Cina bersama warga emas dari Rumah Sejahtera Mahsan, Jempol, pada hari ini.

Pada program ini, sumbangan berupa barangan keperluan asas telah disalurkan kepada warga Rumah Sejahtera Mahsan bagi memastikan persediaan bagi sambutan perayaan Tahun Baharu Cina dapat dilaksanakan dengan penuh kemeriahan.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin berkata, “Program ini merupakan sebahagian daripada usaha syarikat yang sentiasa prihatin dalam mendekati masyarakat di samping memperkukuhkan hubungan SWM Environment bersama pelbagai lapisan masyarakat termasuk komuniti setempat dan persatuan penduduk”.

“Program SWM Kasih bersama golongan warga emas pada hari ini bertujuan untuk mendekati mereka serta meraikan dan membantu memulihkan semangat mereka yang telah melalui tempoh yang sukar selama beberapa bulan yang lalu apabila seluruh negara dikenakan perintah kawalan pergerakan sehingga menyebabkan mereka tidak dapat keluar atau menerima kunjungan daripada keluarga mahupun kenalan”.

Tambahnya lagi, penglibatan SWM Kasih dalam membantu golongan sasaran amat penting bagi memastikan keperluan badan kebajikan dan penghuninya dapat dibantu daripada pelbagai aspek terutamanya dari segi sokongan moral dan sumbangan kewangan serta barangan melalui aktiviti kemasyarakatan.

Rumah Sejahtera Mahsan turut didaftarkan di dalam program KITARecycle iaitu program kitar semula berganjaran dan pihak persatuan boleh menebus mata ganjaran terkumpul kepada wang tunai secara dalam talian bagi setiap aktiviti kitar semula yang dilakukan.

Melalui program KITARecycle, orang ramai terutamanya penduduk setempat boleh melaksanakan ‘kitar semula sambil beramal’ dengan memberi sumbangan barangan yang boleh dikitar semula kepada Rumah Sejahtera Mahsan. Hasil dari mata ganjaran yang diperolehi akan dimasukkan secara terus ke dalam akaun KITARecycle Rumah Sejahtera Mahsan.



Diharapkan dengan program KITAREcycle bersama Rumah Sejahtera Mahsan dapat membantu meringankan kos pengurusan pihak persatuan di samping meningkatkan penglibatan penduduk setempat dalam melaksanakan aktiviti kitar semula serta tanggungjawab kemasyarakatan.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com